

# SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2008



Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2008 telah berlangsung pada 17 Februari 2008 di Dewan Kapitol yang mana telah dirasmikan oleh Dr. Phor Choo Chor selaku wakil MCA, Perlis. Program ini merupakan acara tahunan dan tahun ini merupakan pelaksanaan sambutannya bagi kali yang ke-5 di peringkat UniMAP.

Program yang bertemakan "Awaken Of Spring Spring" ini bermaksud Tahun Baru Cina melambangkan permulaan atau titik permulaan dalam nasib dan kehidupan. Kini, tiba masa segala kehidupan seakan hidup semula dengan cara hidup yang berbeza dan lebih baik dari dulu. Tahun ini merupakan tahun Tikus mengikut kalender Lunar. Tikus mempunyai sikap yang malas tetapi yang mempunyai otak yang cergas. Namun menurut cerita orang tua, ada cerita mengenai tikus yang member pengajaran kepada manusia bahawa walaupun seseorang insan yang bertubuh kecil tetapi mempunyai impian yang tinggi boleh membawanya ke arah destinasi yang tidak diduga olehnya.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga UniMAP sendiri dan juga masyarakat cina sekitar Negeri Perlis. Pelbagai persembahan diadakan pada malam tersebut diantaranya adalah persembahan kebudayaan dari pelbagai kaum dan juga acara utama iaitu persembahan tarian singa yang begitu mengagumkan dan mendapat tepukan hangat para penonton.